

17 JUN 2003

MINYAK-HARGA/I

GUNA LEBIH BANYAK MATA WANG BAGI DAGANGAN MINYAK MUNGKIN LEBIH BAIK

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Penggunaan lebih banyak mata wang dalam menetapkan harga minyak mentah berkemungkinan lebih baik untuk tempoh masa yang lama, kata seorang delegasi yang menghadiri Persidangan Minyak dan Gas Asia Ke-8 yang sedang berlangsung di sini.

Pengarah McKinsey & Co Inc dari UK, Howard Harris, berkata penetapan harga minyak mentah itu mungkin akan lebih baik sekiranya dikendalikan melalui pelbagai mata wang daripada hanya mata wang tunggal.

"Ia mungkin satu pertiga (AS) dolar, satu pertiga yen, satu pertiga euro bagi anda memilih," katanya kepada Bernama di luar persidangan berkenaan hari ini.

"Pendekatan, jika dolar tinggi, dan 'saya mahu dibayar dalam dolar' dan sebaliknya menyebabkan ketidaktentuan dalam industri," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai harga minyak didagangkan menggunakan euro bersamaan dolar AS.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam ucapannya semalam tidak menyentuh secara terperinci mengenai cabaran praktikal perubahan keseluruhan unit mata wang industri minyak itu.

Dolar susut sebanyak kira-kira 20 peratus berbanding euro sejak setahun lepas.

Harris berharap Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) akan membincangkan kemungkinan pendekatan menggunakan pelbagai mata wang itu bagi penetapan harga minyak mereka.

Sementara itu, seorang lagi delegasi berkata idea penetapan harga minyak dalam euro bukan suatu yang baru memandangkan Iraq di bawah bekas presidennya, Saddam Hussein, telah menjual minyak mentahnya dalam euro untuk tempoh tertentu dalam usaha membantah apa yang beliau lihat sebagai Amerika Syarikat yang mengarahkan sekatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap negara berkenaan.

Negara OPEC yang lain telah menolak idea menjual minyak dalam euro, katanya.

-- BERNAMA

MAS SD NHD